



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4/2018  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENCEN DAN ELAUN ORANG KURANG UPAYA**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan (Penggaj 18) adalah dikemaskinikan.

2. Perenggan 2 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/2006 bertarikh 18 Ramadhan 1427 bersamaan dengan 11 Oktober 2006 adalah dipinda dengan tambahan bilangan (v) iaitu bagi melaratkan pemberian elaun kepada kanak-kanak kurang upaya yang berumur di bawah 15 tahun yang terdiri daripada Rakyat Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang bertaraf 'stateless' yang lahir di Negara Brunei Darussalam, seperti berikut:

A. **PENCEN DAN ELAUN**

	<u><b>Jumlah Elaun</b></u>
i. Umur Tua	<b>\$250</b>
ii. Buta, Kusta dan Orang Tidak Siuman	<b>\$250</b>
Tanggungjawab:	
Umur 15 tahun dan kebawah	<b>\$113</b>
15 tahun ke atas	<b>\$188</b>
iii. Penyakit Hansen	<b>\$250</b>
iv. Cacat	<b>\$250</b>
v. Kanak-kanak kurang upaya yang berumur di bawah 15 tahun yang terdiri daripada Rakyat Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang <i>stateless</i> yang lahir di Negara Brunei Darussalam.	<b>\$150</b>

3. Pindaan ini berkuatkuasa mulai daripada **1 Januari 2018**.



- 2 -

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**"Musyawarah Membawa Kesepaduan"**



**[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]**  
**Setiausaha Tetap**

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan BA1000  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : ( 4 )JPM/SK/2018  
Tarikh : 19 Jamadilakhir 1439  
7 Mac 2018